

# MOHE SPORTS FEST 2018

---

## PERATURAN PERMAINAN GOLF

### 1. NAMA

Rujuk PERKARA 1 Peraturan Am Sukan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (MOHE 2018)

### 2. PERATURAN PERTANDINGAN

Mengikut Undang-undang Antarabangsa serta Peraturan Kejohanan Golf MOHE SPORTS FEST 2018 yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan ini dan keperluan semasa jawatankuasa penganjur dari semasa ke semasa.

### 3. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

3.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh 'The Royal And Ancient Golf Club Of St. Andrews' dan peraturan-peraturan tempatan (Local Rules) berkaitan, melainkan apa-apa kekecualian atau keputusan lain yang ditetapkan oleh jawatankuasa penganjur.

3.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-undang Bahasa Inggeris akan dipatuhi.

### 4. KELAYAKAN PESERTA

4.1 Kelayakan peserta ialah pelajar dan sedang belajar di IPT tempatan dan mesti mempunyai kad matrik serta berumur 28 tahun ke bawah; (Rujuk Peraturan AM Bil. 3)

4.2 Pemain perlu mempunyai hadikap kad USGA atau pengesahan dari kelab atau pegawai sukan universiti;

4.3 Setiap universiti boleh mendaftar sekurang-kurangnya seorang (1) peserta untuk setiap kategori individu lelaki dan wanita;

### 5. SISTEM PERTANDINGAN

5.1 KEJOHANAN GOLF MOHE SPORTS FEST 2018

5.1.1 Sistem pertandingan dijalankan secara ***stroke play 36 lubang***.

## **MOHE SPORTS FEST 2018**

---

- 5.1.2 Jawatankuasa penganjur mempunyai kuasa untuk membuat keputusan yang difikirkan wajar untuk menjayakan kejohanan ini.
- 5.2 Susunan lapangan dan giliran pemain adalah mengikut ketetapan yang dibuat oleh jawatankuasa penganjur.
- 5.3 Jawatankuasa penganjur berhak mengubah susunan dan giliran permainan peserta-peserta sebelum pertandingan.
- 5.4 Peserta-peserta pertandingan hendaklah melapor diri 15 minit sebelum masa giliran permainan yang ditetapkan. Pemain yang melapor diri lewat dari masa yang ditetapkan akan dibatalkan penyertaannya.
- 5.5 Sekiranya keputusan seri, untuk menentukan pemenang, akan ditentukan melalui OCB seperti berikut;
  - 5.5.1 18 Lubang terakhir
  - 5.5.2 9 lubang 6,3 dan 1 lubang terakhir (2nd nine)

### **6. JENIS PERTANDINGAN**

- 6.1 Pertandingan MOHE SPORTS FEST 2018 Antara Pelajar IPTA/S, Politeknik, Kolej Komuniti.
- 6.2 Kategori yang dipertandingkan:-
  - 6.2.1 Lelaki individu Gross
  - 6.2.2 Wanita Individu Gross

### **7. PERKARA-PERKARA YANG DITERANGKAN**

- 7.1 Jawatankuasa penganjur mempunyai kuasa untuk membuat keputusan yang difikirkan wajar untuk menjayakan kejohanan ini.
- 7.2 Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan perkara-perkara yang tidak dicatatkan di dalam peraturan ini adalah muktamad.
- 7.3 Yuran pertandingan adalah RM 250.00/ orang (*termasuk buggy, sarapan dan makan tengahari*)
- 7.4 Hadiah kemenangan adalah berbentuk barangan dan medal seperti berikut:-

# MOHE SPORTS FEST 2018

---

## 7.4.1 Kategori Lelaki

7.4.1.1 Johan hingga tempat ke-3 (Medal & Barangan)

7.4.1.2 Tempat Ke-4 hingga ke-10 (Barangan)

## 7.4.2 Kategori Wanita

7.4.2.1 Johan hingga tempat ke-3 (Medal & Barangan)

7.4.2.2 Tempat Ke-4 (Barangan)

## 8. PAKAIAN

Semua pemain mestilah berpakaian golf yang dibenarkan dengan kasut berpaku lembut.

## 9. PENGANGGAR JARAK ( Distance Measuring Device – DMD)

9.1 Pemain dibenarkan mengguna pakai alat pengukur jarak, terhad kepada jarak semata-mata. Jika pihak penganjur mendapati penyalahgunaan alat ini untuk menentu ukur ketinggian, kelembapan. Pihak penganjur berhak memberi keputusan yang sesuai dengan kesalahan mengikut peraturan sedia ada.

9.2 Para pemain “dibenarkan” menggunakan telefon bimbit sepanjang pertandingan bagi menentukan jarak menggunakan “apps” untuk JARAK sahaja. Kegagalan mengikut peraturan, juga akan diambil tindakan seperti 9.1 di atas.

## 10. KUASA DAN KEPUTUSAN

Jawatankuasa penganjur akan melantik 3 orang pengadil pertandingan serta seorang ketua pengadil dan Keputusan pengadil ini hendaklah digunapakai bagi menyelesaikan masalah yang timbul semasa pertandingan berlangsung.

## 11. KESELAMATAN

Jawatankuasa penganjur, wakil atau ejennya tidak bertanggungjawab ke atas keselamatan peserta-peserta atau kehilangan dan kerosakkan harta benda semasa kejohanan ini berlangsung.

## **MOHE SPORTS FEST 2018**

---

### **12. BANTAHAN/RAYUAN**

12.2 Rujuk kepada Peraturan MOHE SPORTS FEST 2018.

12.2 Penganjur juga berhak menetapkan Jawatankuasa Rayuan yang dianggotai oleh Ketua Pengadil, Ketua Sekretariat Penganjur, serta individu yang dirasakan perlu oleh Penganjur bagi mendengar dan memberikan keputusan terhadap rayuan tersebut.

### **13. PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN**

13.1 Jawatankuasa penganjur mempunyai kuasa untuk membuat keputusan yang difikirkan wajar untuk menjayakan kejohanan ini.

13.2 Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan perkara-perkara yang tidak dicatatkan di dalam peraturan ini adalah muktamad.